

NO. SOALAN: 267

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH :

RUJUKAN : 10416

SOALAN :

**Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan bilangan kumpulan atau individu yang
ditahan kerana membuat penyelewengan terhadap fatwa ilmuan Islam, Ibn
Taimiyyah untuk melakukan keganasan.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

PDRM tidak pernah menyenaraikan Ibnu Taimiyyah sebagai pencetus keganasan. Namun, hasil daripada kajian buku-buku yang dirampas serta pendedahan daripada orang tahanan yang terlibat dalam aktiviti keganasan mendedahkan pihak pengganas banyak mengeksploitasi beberapa pandangan yang dikeluarkan oleh tokoh berkenaan.

Kumpulan pengganas seperti Jemaah Islamiah (JI), Daesh, Darul Islam, Boko Haram dan Al-Qaeda telah mengeksploitasi fatwa-fatwa Ibnu Taimiyah berhubung jihad mati syahid untuk menentang Kerajaan Islam yang tidak melaksanakan hukum Islam dan dilabelkan sebagai taghut (sesat) serta menjustifikasi tindakan ganas mereka untuk melancarkan serangan di seluruh dunia.

Selain itu, perkara sama juga turut disahkan oleh pakar akademik/agama yang mendapati beberapa pandangan Ibnu Taimiyyah adalah keras dan kontroversi sehingga boleh menyuburkan fahaman ekstremis, radikal dan boleh mencetuskan keganasan. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi menerusi petikan kenyataan kumpulan pengganas Al-Qaeda dan Daesh dalam Majalah DABIQ.